



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN WILAYAH
PERSEKUTUAN KE SUKMA XVIII, SARAWAK 2016**

**DI PERKARANGAN MENARA SERI WILAYAH
ARAS G, KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

RABU, 25 MEI 2016, JAM 4.00 PETANG

(Senarai Salutations akan diselaraskan kemudian)

Bismillahirrahmannirahim

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

**Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Hj. Md. Ikshan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Sani Bin Mistam,
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan,
Kementerian Wilayah Persekutuan,
Merangkap Ketua Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XVIII (ke-18)
Sarawak 2016**

Yang Berbahagia Dato' Mohd Nadzri Bin Osman,
Timbalan Ketua Kontinjen 1 Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Dato' Omairi bin Hashim,
Timbalan Ketua Kontinjen 2 Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk Hj.Abdul Samad bin Lope Pihie,
Timbalan Ketua Kontinjen 3 Wilayah Persekutuan

Y.Bhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail,
Presiden Perbadanan Putrajaya

Y.Bhg Datuk Haji Mahadi bin Che Ngah,
Ketua Eksekutif,
Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Yang Berusaha Encik Mohd Razlan bin Muhammad Rafii,
Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

**Ahli-Ahli Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Setiausaha-setiausaha
Bahagian, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi,**

**Presiden-Presiden Persatuan sukan, Pengurus-pengurus Pasukan dan
Jurulatih,**

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1Malaysia.**

1. Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama sekali lagi berhimpun di majlis yang sederhana, namun cukup bermakna ini.

2. Di kesempatan ini juga , saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama dengan para pasukan serta tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XVIII yang bakal berlangsung pada 18 Julai hingga 31 Julai 2016 di Sarawak.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Majlis Penyerahan Bendera ini merupakan kali ke-8 dianjurkan di bawah satu nama iaitu Wilayah Persekutuan selepas ketiga-tiga Wilayah digabungkan pada tahun 2006.
4. Sebelum penggabungan dibuat, penyertaan Wilayah Persekutuan ke SUKMA disertai oleh dua Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Labuan. Melihat kepada kepentingan aspek pembangunan dan kemajuan sukan Wilayah Persekutuan, pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian mendapati perubahan perlu dilakukan dengan menggabungkan kedua-dua entiti ini. Bermula pada tahun 2006, iaitu semasa SUKMA di Kedah telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila penyertaan kedua-dua entiti ini telah disatukan di bawah satu bendera dan nama iaitu Wilayah Persekutuan.
5. Lebih bermakna lagi pada tahun 2008 apabila Wilayah Persekutuan Putrajaya turut sama menyertai gabungan ini dan ia berterusan sehinggalah pada SUKMA kali ini.

6. Sebenarnya bukan mudah untuk bergabung di bawah satu kontinjen yang besar apatah lagi ia memerlukan komitmen serta kerjasama yang baik dari semua pihak, tidak kira pihak pengurusan tertinggi, para atlet, pengurus dan jurulatih yang rata-ratanya mempunyai latar belakang yang berbeza.
7. Apa yang paling penting, untuk wujud sebagai satu kontinjen, banyak aspek yang perlu diambil kira. Suka saya nyatakan di sini bahawa salah satu daripadanya adalah memupuk kesepaduan dan satu hati. Tidak kiralah samada para pengurus, jurulatih dan atlet tersebut datang daripada Kuala Lumpur, Labuan ataupun Putrajaya, perasaan ini perlu dipupuk dalam memastikan kejayaan untuk terus **KEKAL JUARA** adalah milik kita bersama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Dengan jangka masa yang singkat ini, setiap pasukan harus mengelak perasaan pentingkan diri sendiri kerana ia boleh meruntuhkan semangat juang pasukan. Apabila hal ini berlaku, maka pihak lawan akan mudah mengambil kesempatan atas kelemahan ini, apatah lagi Kontinjen Wilayah Persekutuan merupakan johan keseluruhan SUKMA ke-17 yang lalu di Perlis dan sudah pastinya kita digeruni antara tidak kira oleh pihak lawan ataupun kawan. Justeru, semua pasukan perlu memastikan persefahaman terus dipupuk tidak kira samada pengurus, jurulatih, atlet mahu pun pihak Pengurusan Tertinggi sendiri bagi memastikan kejayaan **KEKAL JUARA** akan terus digenggam.

9. Mengimbas semula Kejohanan SUKMA Perlis ke-17 yang lalu, di mana kita telah menjadi johan keseluruhan di antara 14 buah negeri yang bertanding dengan memperoleh pingat emas sebanyak 55, perak 38 dan gangsa 49.
10. Justeru itu, bagi meneruskan kecemerlangan ini selari dengan motto **KEKAL JUARA** , akhirnya kita telah bersetuju untuk menetapkan sasaran sebanyak 60 emas bagi temasya SUKMA Sarawak 2016 pada kali ini.
11. Apabila kita bercakap mengenai kejayaan, pepatah ada menyebut 'tiada kejayaan tanpa usaha' dan usaha itu adalah datang daripada diri kita sendiri. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar semua pasukan dapat menunjukkan prestasi yang terbaik bagi ke semua 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan pada SUKMA ke-18 ini seterusnya membawa kejayaan kepada Kontinjen Wilayah Persekutuan. Paling penting, semua pasukan harus menanamkan azam dan tekad yang tinggi, disamping mengatur strategi pasukan dengan baik.
12. Dengan persediaan serta strategi yang telah diatur, sudah pasti ia dapat diterjemahkan dengan baik semasa SUKMA ke-18 kelak.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Wilayah Persekutuan mempunyai ramai atlet berbakat besar. Inilah cabaran yang perlu diterjemahkan oleh MSWP bersama-sama atlet-atlet sukan di Wilayah Persekutuan dalam usaha untuk mencari serta membentuk bakat-bakat tersebut sehingga boleh membawa kejayaan yang lebih besar kepada Wilayah Persekutuan. Malah menyerlahkan bakat-bakat ini hingga ke peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.
14. Sebagai satu kontinjen dengan kekuatan seramai 389 atlet, 51 jurulatih dan 29 pengurus, saya juga amat mengharapkan agar jati diri dan semangat cintakan Wilayah Persekutuan perlu ada dalam diri semua yang terlibat terutamanya para atlet. Dengan adanya nilai-nilai tersebut, saya berharap semua pasukan akan terus berjuang hingga ke akhirnya. Saya telah berulang kali menyatakan, memang bukan mudah untuk Kontinjen Wilayah Persekutuan mengekalkan kejuaraan. Namun, ia juga bukan perkara mustahil untuk **KEKAL JUARA**. Saya percaya kejayaan yang lebih tinggi mampu dicapai dengan usaha yang gigih dan berterusan oleh setiap pasukan.
15. Sukacita juga saya mengumumkan bahawa imbuhan bagi pemenang pingat emas ialah sebanyak **RM5,000**, pingat perak **RM1,500** dan pingat gangsa pula sebanyak **RM1,000**.
16. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat berjuang kepada Kontinjen Wilayah Persekutuan. Pastikan perjuangan anda bagi mencapai sasaran 60 pingat emas nanti akan disertai dengan azam dan semangat juang yang tinggi demi memastikan kejayaan milik

kita. Adalah yang akan memastikan Wilayah Persekutuan terus dihormati dan cemerlang dipersada sukan Negara. Harus diingat, kejayaan lalu tidak bermakna kejayaan itu kekal digenggaman. Hanya yang sedar dan sentiasa berusaha akan terus **KEKAL JUARA**.

17. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan wabillahi taufik wal hidayah. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.
18. Sekian, Terima Kasih.